

# TINGKAT KEFAHAMAN MENGENAI ASTROFIQH

■ Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 7 Ogos. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) menganjurkan Kursus Latihan Astrofiqh Modul 1.

Kursus Latihan Astrofiqh Modul 1 : Pengenalan kepada Astrofiqh dan Sistem Suria tersebut dikendalikan oleh Pusat Kepimpinan dan Pembelajaran Sepanjang Hayat (PKPSH) dengan kerjasama Pusat Penyelidikan Mazhab Syafi'i (PPMS), UNISSA.

Kursus tersebut diadakan selama satu hari, iaitu pada Rabu, 24 Zulhijah 1442H bersamaan 4 Ogos 2021M, bermula jam 8.00 pagi hingga 4.30 petang, bertempat di Kampus UNISSA, Gadong.

Kursus juga dihadiri seramai 30

orang peserta, terdiri daripada pegawai dan kakitangan Kementerian, orang persendirian dan warga UNISSA.

Hadir selaku fasilitator, Timbalan Pengarah dari PPMS, UNISSA, Profesor Madya Dr. Iknor Azli bin Ibrahim.

Kursus bertemakan 'Angkasa Apa Kaitannya Dengan Kita?' itu mengandungi perbincangan ringkas mengenai apa itu Astrofiqh dan apakah yang dibincangkan dalam ilmu ini.

Perbincangan juga berfokus kepada sudut pandang akidah, syariah dan akhlak dan bukan kepada astronomi tulen.

Kursus juga membincangkan kepentingan ilmu Astrofiqh dan

ruang lingkup kajiannya agar para peserta memahami hala tuju ilmu ini dan membandingkannya dengan ilmu astronomi.

Selain itu, para peserta juga didedahkan kepada pengetahuan tentang sistem suria sekadar untuk memudahkan para peserta untuk memahami isu-isu ibadah dan akidah yang bakal dibincangkan dalam modul-modul berikutnya.

Kursus turut diharap akan dapat meningkatkan pengetahuan dan pemahaman para peserta mengenai isu-isu berkaitan Astrofiqh, di samping bertujuan dalam mengembangkan disiplin ilmu Astrofiqh yang mempunyai kaitan secara langsung dengan akidah, ibadah dan kehidupan seharian.



FASILITATOR Kursus Latihan Astrofiqh Modul 1 ialah Timbalan Pengarah dari Pusat Penyelidikan Mazhab Syafi'i, UNISSA, Profesor Madya Dr. Iknor Azli bin Ibrahim (atas), manakala gambar bawah kiri, sebahagian yang menyertai kursus tersebut.



## MEMPERKENALKAN LAMAMEDIA SOSIAL BAHARU PELITA BRUNEI



Pelita Brunei



pelitabrunei



pelitabrunei

Jangan lupa untuk *like* dan *follow* laman media sosial kami

## Perubahan operasi perkhidmatan di bawah MTIC

>> Muka 18

Seterusnya, hendaklah memeriksa suhu badan setiap penumpang sebelum menaiki kenderaan dan tidak membenarkan masuk mana-mana penumpang yang kurang sihat atau mempunyai sebarang simptom pernafasan; menyediakan cecair pensanitasi tangan (*hand sanitizer*), tisu kertas tangan pakai buang dan tong sampah di dalam pengangkutan awam; hendaklah sentiasa membersihkan semua permukaan di dalam kenderaan yang sering disentuh oleh penumpang seperti tempat duduk, rel tangan (*hand rails*) dan sebagainya; pemandu perlu sentiasa menjaga kebersihan mencuci tangan dan sanitasi tangan dan jendela pengangkutan awam adalah disarankan untuk dibuka semasa membawa penumpang.

Manakala garis pandu yang perlu dipatuhi oleh penumpang adalah seperti berikut, iaitu mengimbas Kod QR BruHealth sebelum menaiki kenderaan pengangkutan awam; hanya kod hijau atau kuning sahaja dibenarkan untuk menggunakan pengangkutan

awam; sentiasa memakai sungkup muka ketika dalam kenderaan Pengangkutan Awam; pemeriksaan suhu badan sebelum menaiki kenderaan dan mematuhi penjarakan fizikal, iaitu amalkan jarak 1 meter daripada orang lain.

Kedua, Jabatan Penerbangan Awam, kepada penumpang-penumpang yang akan meninggalkan Negara Brunei Darussalam melalui lapangan Terbang Antarabangsa Brunei (LTAB) adalah dinasihatkan untuk menggunakan prosedur *drop off* atau hanya dihantar oleh tidak melebihi dua orang sahaja. Orang ramai adalah tidak dibenarkan menjemput ketibaan penumpang-penumpang.

Restoran dan premis-premis makanan di LTAB akan hanya menyediakan makanan secara *take-away* atau *delivery* sahaja, *dine-in* adalah tidak dibenarkan. Manakala surau LTAB ditutup sementara.

Ketiga, Jabatan Perkhidmatan Pos iaitu Perkhidmatan Kaunter Urusniaga dan Bungkus di Pusat Memproses Mel (MPC), Premium, Muara, Sengkurong, Seri Kompleks, Tutong, Lumut, Setia dan Belait, cawangan Bandar Seri Begawan, LTAB, Bangar, Bunut,

Salambigar, Anggerek Desa, Limau Manis, Lumapas, Lamunin, Telisai dan Rimba adalah dibuka seperti biasa setiap Isnin hingga Khamis dan Sabtu, manakala Jumaat adalah ditutup.

Pejabat pos cawangan Labi hanya dibuka pada setiap Selasa pada jam 8.00 hingga 10.00 pagi. Kapasiti pelanggan harian bagi *walk-in* boleh rujuk rajah 2.

Keempat, Jabatan Kajicuaca hanya akan memproses pembelian data melalui perjanjian sahaja. Bagi pengambilan data yang dipohonkan dan pembayaran data yang dibeli adalah dilakukan pada masa perjanjian yang telah dibuat terlebih dahulu. Sila hubungi +673 2381342 untuk membuat perjanjian awal.

Kelima pula, Perkhidmatan kaunter di Pihak Berkuasa Maritim dan Pelabuhan (MPABD) akan dibuka seperti biasa dengan SOP yang telah ditetapkan.

Peperiksaan kelas 9 (Terhad) akan ditunda sehingga satu tarikh yang akan dimaklumkan kemudian. Semua pemilik, pengusaha dan pemandu bot laju dan perahu tambang di negara ini supaya menepati jumlah penumpang kepada 50 peratus daripada jumlah

yang dibenarkan dan sentiasa memakai sungkup muka ketika beroperasi, ini juga termasuk kepada penumpang perahu tersebut.

Manakala keenam pula, semua perkhidmatan Pihak Berkuasa Industri Teknologi Info-komunikasi Negara Brunei Darussalam (AITI) boleh diakses melalui AITI Online Services Portal di laman sesawang <http://online.aiti.gov.bn>. Seterusnya, ketujuh, pemilik-pemilik siber kafe (*cyber cafe*), iaitu sebagai langkah pencegahan bagi membendung dan mengurangkan risiko penularan wabak CO VID-19 di Negara Brunei Darussalam dan atas saranan Kementerian Kesihatan pada situasi masa kini, dengan ini Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi ingin memaklumkan kepada pemilik-pemilik siber kafe supaya menutup sementara premis perniagaan mulai daripada Sabtu, 7 Ogos 2021 selama tempoh dua minggu.

Kerjasama majikan-majikan dan pengurus-pengurus siber kafe adalah diharapkan dalam sama-sama membendung penularan wabak COVID-19 di negara ini.

Bagi memudahkan urusan,

orang ramai adalah digalakkan untuk menggunakan aplikasi-aplikasi dan perkhidmatan dalam talian seperti TransportBN, Talian123 serta penggunaan perkhidmatan portal GovBN.

Orang ramai juga dinasihatkan untuk mengamalkan tanggungjawab sosial dengan mengamalkan kebersihan diri, etika batuk dan bersin yang betul, penjarakan fizikal dan jika merasa kurang sihat, tidak menghadirkan diri ke jabatan-jabatan dan agensi serta pihak berkuasa di bawah Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi.

Pemeriksaan suhu badan akan dilakukan, mengimbas Kod QR melalui aplikasi BruHealth setiap kali masuk dan keluar. Sungkup muka hendaklah dipakai pada setiap masa apabila berada di dalam bangunan.

Kerjasama dan pertimbangan orang ramai adalah sangat diharapkan dan Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi memohon maaf di atas sebarang kesulitan yang mungkin berbangkit.